



**PEKELILING PENGARAH TANAH  
DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**BAHAGIAN 1**

**PELUPUSAN DAN  
PEMBERIMILIKAN**

---

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH

WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR

---



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 6 TAHUN 2009 (K)**

---

**KAEDAH PELUPUSAN DAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN YANG  
DIUSAHAKAN DAN DIMILIKI 10 TAHUN KE BAWAH**

---

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan menurut Kertas No.6(F) 328/2009, PSU(K) SULIT 8-1427 bertarikh 12 Ogos 2009 berkaitan Kertas Cadangan Untuk Dikaji Dan Dipertimbangkan Semula Keputusan Jawatankuasa Tanah Negeri Kedah Darul Aman Bil 2/2018 Berkaitan Permohonan Tanah Kerajaan Yang Diusaha Dan Dimiliki 10 Tahun Dan Ke bawah.
2. Dalam mesyuarat tersebut, Majlis telah bersetuju seperti berikut:-
  - i. Bersetuju diterima dan diluluskan cadangan untuk ditetapkan tanah-tanah yang diusahakan 5 tahun ke atas layak untuk dipertimbangkan secara hakmilik, sementara tanah yang diusahakan kurang dari 5 tahun dipertimbangkan secara Lesen Menduduki Sementara (LMS).
  - ii. Bersetuju bagi tanah-tanah yang diusahakan 5 tahun ke atas dipertetapkan supaya tanah-tanah tersebut diluluskan secara Lesen Menduduki Sementara (LMS) terlebih dahulu selama setahun dan Pentadbir Tanah diminta mengemukakan semula kepada

Jawatankuasa Tanah Negeri untuk dipertimbangkan secara hakmilik pada tahun berikutnya.

3. Bagi tujuan mematuhi dan melaksanakan keputusan tersebut, mana-mana tanah yang dipohon secara hakmilik dan telah diusahakan 5 tahun ke atas, Pentadbir Tanah Daerah bolehlah meluluskan Lesen Menduduki Sementara (LMS) selama setahun dan kategori tanah tersebut masih tertakluk kepada keputusan JKTN Bil 2/2007 bertarikh 03 Julai 2007 (Kertas Hal-hal Lain Agenda 9.3) iaitu:-

- i. Tanah Desa dan Tanah Kerajaan
- ii. Tanah bagi maksud pertanian (termasuk ternakan) yang kurang daripada 10 ekar.
- iii. Mendirikan rumah atau binaan jenis sementara atau yang boleh dialihkan.
- iv. Pertunjukan awam seperti sarkas.

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 12 Ogos 2009.

**“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian  
Negeri Kedah Darul Aman**

No. Fail : PTG/KED/K/264/2003 (PEKELILING)

Bertarikh :15 Zulhijjah 1430 H

: 2 Disember 2009



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 7 TAHUN 2010 (K)**

---

**DASAR DAN KAEDAH MENANGANI BORANG 5A YANG TELAH TAMAT  
TEMPOH**

---

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang kali ke 3/2010 bertarikh 20 September 2010 (Buku Hal-Hal Lain Khas) mengenai Dasar Dan Kaedah Menangani Borang 5A Yang Telah Tamat Tempoh.
  
2. Dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa telah menetapkan seperti berikut ,  
  
“Pemohon mengemukakan rayuan supaya permohonannya diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dengan dikenakan kadar bayaran premium semasa serta perlu permasuk deposit seperti arahan Aturan 10 ATK 1966 dan Seksyen 82 Kanun Tanah Negara, Aturan 37(1) (No. 78) ATK 1966 Pindaan K.P.U 13/16.12.2004.”

3. Kaedah untuk melaksanakan keputusan tersebut ialah seperti berikut :-

a) Borang 5A tamat tempoh **TIDAK MELEBIHI** 5 tahun

Pemohon dikehendaki mengemukakan rayuan untuk perlanjutan tempoh Borang 5A kepada Pentadbir Tanah. Sekiranya dipertimbangkan, Pentadbir Tanah hendaklah meminta pemohon menjelaskan bayaran Borang 5A mengikut kadar bayaran premium tanah semasa, bersama-sama bayaran permohonan perlanjutan masa Aturan 37(1)(no. 78) ATK 1966 Pindaan K.P.U 15/16.12.2004 dan bayaran premium tambahan (kadar hasil tanah x bilangan tahun tidak dijelaskan Borang 5A). Bayaran Borang 5A dimasukkan sebagai bayaran pertaruhan. Pentadbir Tanah kemudiannya hendaklah mengemukakan permohonan perlanjutan tempoh tersebut kepada Pengarah Tanah Dan Galian untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

b) Borang 5A tamat tempoh **MELEBIHI** 5 tahun

Pemohon dikehendaki mengemukakan rayuan untuk perlanjutan tempoh Borang 5A kepada Pentadbir Tanah. Pentadbir Tanah hendaklah terlebih dahulu menyiasat semula tapak berkenaan, dan sekiranya tidak terdapat sebarang masalah, Pentadbir Tanah hendaklah meminta pemohon menjelaskan bayaran Borang 5A mengikut kadar bayaran premium tanah semasa, bersama-sama bayaran permohonan perlanjutan masa Aturan 37(1)(No. 78) ATK 1966 Pindaan K.P.U. 15/16.12.2004 dan bayaran premium tambahan (kadar hasil tanah x bilangan tahun tidak dijelaskan Borang 5A). Sekiranya tanah tersebut bermasalah dan tidak dapat diselesaikan, Pentadbir Tanah hendaklah menolak rayuan tersebut.

Bayaran Borang 5A yang diterima dimasukkan sebagai bayaran pertaruhan. Pentadbir Tanah kemudiannya hendaklah mengemukakan permohonan perlanjutan tempoh tersebut kepada Pengarah Tanah Dan Galian untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

## **5. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 21 September 2010.

**“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian**

**Negeri Kedah Darul Aman**

No. Fail : PTG.KED.U / 33 (P) /2009

Bertarikh : 13 Safar 1432

: 18 Januari 2011



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 8 TAHUN 2010 (K)**

---

**KADAR PREMIUM DAN TEMPOH PAJAKAN TANAH KEPADA PERBADANAN  
MENTERI BESAR KEDAH (PMBKed) UNTUK TUJUAN PERTANIAN DI SELURUH  
NEGERI KEDAH**

---

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan Majlis Masyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Kertas No. 6(F) 341/2010, PSU(K) 267/1431 berkaitan **“Cadangan Penentuan Kadar Premium Tanah Kerajaan Yang Dipohon Oleh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed) untuk Tujuan Pertanian Di Seluruh Negeri Kedah”** bertarikh 27 Oktober 2010.
  
2. Cabutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut seperti berikut:-
  - a. **Bersetuju menggunakan formula kiraan kadar premium tanah seperti di perakuan (b) dalam kertas cadangan dengan pindaan tempoh pajakan selama 30 tahun sahaja.**
  
  - b. **Bersetuju dipertetapkan Kadar Premium Tanah kepada Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed) bagi permohonan untuk maksud pertanian sahaja seperti ditetapkan di bawah Peraturan 11 Aturan Tanah 1966 (Pindaan) K.P.U 14 bertarikh 16 Disember 2004 dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan No. 7(E) 376/2006 bertarikh 18**

**Oktober 2008 untuk tempoh pajakan selama 30 tahun adalah seperti di bawah :**

- i. RM 608.00 seekar (RM 1,500.00 sehektar) bagi tanah Bandar/Pekan, Dalam Simpanan Melayu (untuk tempoh pajakan 30 tahun).**
  - ii. RM 608.00 seekar (RM 1,500.00 sehektar) bagi tanah desa, Dalam Simpanan Melayu (untuk tempoh pajakan 30 tahun).**
  - iii. RM 911.00 seekar (RM 2,250.00 sehektar) bagi tanah Bandar/Pekan, Luar Simpanan Melayu (untuk tempoh pajakan 30 tahun).**
  - iv. RM 1,002.00 seekar (RM2,475.00 sehektar) bagi tanah Desa, Luar Simpanan Melayu (untuk tempoh pajakan 30 tahun).**
  - v. RM 2,504.00 seekar (RM 6,188.00 sehektar) bagi tanah-tanah di seluruh Pulau Langkawi.**
- 3. Pentadbir Tanah dengan ini diminta mematuhi pekeliling ini di dalam tindakan memproses permohonan oleh PMBKed bagi tanah-tanah yang dipohon bagi maksud pertanian sahaja.**

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini adalah sebagai pematuhan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kertas No. 6(F) 341/2010 bertarikh 27 Oktober 2010 dan berkuatkuasa **serta merta.**



**“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian**

**Negeri Kedah Darul Aman**

No. Fail : PTG.KED.U / 33 (P) /2009

Bertarikh : 13 Safar 1432

: 18 Januari 2011



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2012**

---

**PEMBEKUAN PERMOHONAN TANAH KERAJAAN**

---

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai arahan pembekuan permohonan tanah kerajaan bagi mengatasi isu tunggakan permohonan tanah kerajaan yang belum diproses.

**LATAR BELAKANG**

2. Jawatankuasa Tanah Negeri di dalam mesyuaratnya pada 29hb November 2011 telah memutuskan bahawa permohonan tanah kerajaan hendaklah dibekukan selama setahun. Sehubungan dengan itu, Pentadbir Tanah Daerah adalah diminta melaksanakan keputusan tersebut bermula daripada tarikh pekeling ini.

**PEMAKAIAN**

3. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah.

#### **4. KUATKUASA**

4.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negara bil. 2/2011 bertarikh 29hb November 2011 dan mula berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

**(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian**

**Negeri Kedah Darul Aman**

No. Fail : PTG.KED.U/33(P)/2009

Tarikh : 01 Rabiulakhir 1433

: 23 Februari 2012



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 4 TAHUN 2012**

---

**PELAN TINDAKAN MENANGANI PERMASALAHAN PELUPUSAN TANAH  
DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

---

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan menyediakan garis panduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Kedah berhubung pelan tindakan untuk menangani masalah tunggakan pelupusan tanah di Negeri Kedah Darul Aman.

**LATAR BELAKANG**

2.1 Masalah tunggakan pelupusan tanah adalah merupakan satu masalah yang menjadi bebanan dan seterusnya memberi kesan kepada penanda aras pencapaian (*Key Performance Index*) Pentadbiran Tanah Negeri Kedah. Masalah tunggakan ini berpunca daripada beberapa faktor seperti pemohon meninggal dunia, kesukaran Penolong Pegawai Tanah mengenalpasti batu sempadan, kekurangan kakitangan, bantahan pihak ketiga terhadap permohonan tanah dan lain-lain lagi.

2.2 Satu Bengkel Pelan Tindakan Menangani Permasalahan Pelupusan Tanah diadakan pada 08hb Februari 2012 bagi menangani masalah ini sekaligus menaikkan pencapaian pentadbiran tanah.

2.3 Bagi tujuan mengatasi masalah pelupusan tanah dan untuk penyeragaman tatacara pemprosesan permohonan tanah, perkara berikut hendaklah dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Daerah:-

2.3.1 Senarai semak berkenaan syarat-syarat awalan permohonan hendaklah mengandungi:-

- i) Pemohon hendaklah dilahirkan di Negeri Kedah bagi permohonan secara hakmilik.
- ii) Pemohon hendaklah dapat mengenalpasti sekurang-kurangnya 2 ketul batu sempadan bagi memudahkan kerja-kerja pengukuran.
- iii) Permohonan hendaklah menggunakan pelan rasmi yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah.
- iv) Memastikan tanah yang dipohon tidak terletak di dalam Kawasan Tanah Simpanan Kerajaan (Hutan Simpan, Tanah Sijil Simpanan atau Lain-lain Simpanan).
- v) Tanah Kerajaan yang dipohon hendaklah tertakluk pada jarak dalam lingkungan 200 meter daripada 2 batu sempadan. Jika tanah yang dipohon terletak melebihi jarak tersebut, pemohon hendaklah menggunakan khidmat jurukur berlesen.

2.3.2 Pentadbir Tanah hendaklah menolak serta merta permohonan tanah yang terletak di dalam kawasan Hutan Simpan.

2.3.3 Penyerahan Borang 29A di bawah Seksyen 400 Kanun Tanah Negara 1965 (Notis supaya Hadir Semasa Ukur) hendaklah dilakukan oleh Penghantar Notis atau melalui Surat Berdaftar (AR). Pentadbir Tanah hendaklah menolak permohonan sekiranya pemohon tidak dapat dikesan atau tidak hadir seperti yang telah ditetapkan di dalam Borang 29A tersebut. Sebarang perubahan tarikh dan masa di dalam Borang 29A hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu oleh Pemohon.

Permohonan yang ditolak bolehlah mengemukakan semula permohonan sekiranya pemohon masih berminat.

2.3.4 Permohonan yang dikemukakan oleh Anak Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) yang melibatkan kawasan Hutan Simpan hendaklah mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Perancangan Ekonomi Negeri (SPEC) terlebih dahulu dan dikemukakan terus kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dengan disertakan bersama surat kelulusan Jawatankuasa Perancang Ekonomi Negeri (SPEC).

2.3.5 Semua permohonan bagi maksud tapak perusahaan (kuari) di dalam kawasan Hutan Simpan perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal Unit Perancang Ekonomi Negeri. Permohonan rasmi kepada Pengarah Tanah dan Galian hanya boleh dibuat sekiranya cadangan tersebut telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tanah Unit Perancang Ekonomi Negeri. Laporan tanah akan disediakan oleh Pentadbir Tanah Daerah dan lain-lain tindakan berkaitan akan dibuat di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian.

2.3.6 Ditolak semua permohonan tanah dalam Simpanan Melayu yang dipohon oleh Orang Bukan Melayu kecuali Orang Siam (Petani).

2.3.7 Ditetapkan setiap Penolong Pegawai Tanah menyelesaikan dengan selengkapnya sekurang-kurangnya 10 fail permohonan dalam masa sebulan. Fail-fail yang telah selesai hendaklah diserahkan kepada Pentadbir Tanah Daerah dalam masa sebulan (1 bulan).

2.3.8 Pemohon-pemohon secara berkelompok hendaklah diangkat untuk perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah terlebih dahulu. Sekiranya permohonan tersebut tidak dapat diperakukan/ dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tanah Daerah permohonan tersebut hendaklah ditolak dan dibatalkan.

2.3.9 Pentadbir Tanah Daerah hendaklah membuat siasatan dan keputusan menurut Seksyen 12 Kanun Tanah Negara ke atas tanah yang bertindih. Sekiranya keputusan yang dibuat masih tidak dipersetujui atau masih mendapat tentangan, permohonan-permohonan tersebut hendaklah ditolak dan dibatalkan.

2.3.10 Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mempertimbangkan secara Lesen Menumpang Sementara bagi tanah-tanah yang dipohon tetapi didapati masih tidak diusahakan semasa kerja-kerja sukat. (Pertimbangan Secara Lesen Menumpang Sementara masih tertakluk kepada Keputusan Jawatankuasa Tanah Negeri Bil. 2/2011.)

### **3. PEMAKAIAN**

3.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah.

### **4. TARIKH KUATKUASA**

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

**(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian  
Negeri Kedah Darul Aman**

No. Fail : PTG.KED.U/33(P)/2009

Bertarikh : 23 Jamadilakhir 1433

: 15 Mei 2012



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 10 TAHUN 2012**

---

**KUTIPAN DEPOSIT PREMIUM BAGI PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN  
TANAH KERAJAAN**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan menasihati Pentadbiran Tanah Negeri Kedah berhubung dengan kutipan bayaran deposit premium bagi permohonan pemberimilikan Tanah Kerajaan.

**2. PELAKSANAAN**

2.1 Seksyen 82 Kanun Tanah Negara membenarkan kutipan premium dibuat sebelum memproses mana-mana permohonan pemberimilikan tanah kerajaan. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mengurangkan tunggakan premium tanah, maka Pentadbir Tanah Daerah dikehendaki mengeluarkan Borang 5A kepada pemohon-pemohon pemberimilikan tanah kerajaan sebelum permohonan mereka diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan.

2.2 Aturan 8, Aturan Tanah Kedah 1966 telah dipinda pada 4 Ogos 2011 bagi melaksanakan kutipan bayaran deposit premium ini. Tempoh masa yang ditetapkan di dalam Borang 5A adalah 3 bulan dan kadar bayaran deposit yang dikenakan adalah 100% daripada jumlah premium semasa. Deposit tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam akaun deposit kerana ianya tertakluk kepada pemulangan



semula kepada pemohon sekiranya permohonan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2.3 Kutipan bayaran deposit premium ini hendaklah terpakai kepada semua jenis permohonan pemberimilikan tanah dan tiada pengecualian boleh diberikan kepada mana-mana orang atau badan. Pentadbir Tanah hendaklah memastikan bahawa permohonan pemberimilikan yang gagal menjelaskan bayaran deposit dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

### **3. PENGEQUALIAN**

Pengecualian adalah diberi kepada Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

### **4. PEMAKAIAN**

Pekeliling ini adalah terhad kepada Pentadbiran Tanah Daerah Negeri Kedah.

### **5 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh 1 Januari 2013.

**(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK.,AMK.,BCK.,BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian**

**Negeri Kedah Darul Aman.**

No. Fail : PTG/KED/U/33(P)/2009

Tarikh : 20 Zulhijjah 1433

: 05 November 2012